

Bersatu berpecah sebab Muhyiddin?

UM - 10/9/2020 m/s: 9

KUALA LUMPUR: Alasan Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Tan Sri Muhyiddin Yassin membentuk kerajaan Perikatan Nasional (PN) bersama UMNO dan Pas ekoran dakwaan parti komponen Pakatan Harapan (PH) iaitu DAP boleh menghancurkan orang Melayu adalah tidak masuk akal.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, orang Melayu di negara ini tidak mudah dihancurkan dengan menyorot sejarah percubaan British merampas negeri-negeri Melayu melalui Malayan Union, namun tidak berjaya apabila mereka menggagalkan cubaan tersebut.

“Jika DAP cuba hancurkan orang Melayu, beliau sebagai Menteri Dalam Negeri pada masa itu boleh batalkan pendaftaran parti dan haramkan aktiviti mereka.

“Tetapi beliau kononnya percaya DAP boleh hancurkan orang Melayu. Caranya untuk elak kehancuran ialah dengan menjatuhkan PH dan membentuk kerajaan campuran dengan UMNO dan Pas,” katanya dalam satu kenyataan semalam.



MUHYIDDIN YASSIN

Kenyataan itu hadir setelah Dr. Mahathir bercadang membawa usul tidak percaya terhadap pelantikan Muhyiddin sebagai Perdana Menteri di Dewan Rakyat.

Bagaimanapun, usul tersebut tidak dikemukakan rentetan usul kerajaan dibahaskan terlebih dahulu sehingga beliau tidak berkesempatan menyuarakannya.

Justeru itu, Ahli Parlimen Langkawi itu sekali lagi menyuarakan pandangan tentang kewajaran perantaraan Muhyiddin sebagai Perdana Menteri di



DR. MAHATHIR MOHAMAD

bawah PN yang dibentuk bukan melalui pilihan raya dan sokongan rakyat.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, Muhyiddin semasa awal perjuangannya bersama Bersatu dan parti komponen PH lain iaitu DAP, PKR dan Parti Amanah Negara (Amanah) bertegas menjatuhkan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

Menurutnya, ia secara tidak langsung mendapat sokongan dan penerimaan baik dalam

kalangan rakyat.

Namun pada masa sama, kata beliau, Najib bersepat dengan Pas menyerang PH dengan mendakwa bahawa DAP menguasai gabungan politik PH yang akan menghancurkan orang Melayu.

Tambahnya, berikutan situasi itu tercetusnya idea membentuk kerajaan Melayu Islam dalam mengambil alih peranan sebagai kerajaan bagi mengelakkan berlakunya kehancuran namun beliau tidak bersetuju kerana mendakwa bahawa Najib dan UMNO yang menyebabkan kerosakan dalam negara.

“Saya bertanya kepada Muhyiddin sama ada beliau sanggup bekerjasama dengan parti UMNO yang kita (Bersatu) musuhi dahulu kerana mencuri dan menipu dan mengamal rasuah? Katanya beliau sanggup.

“Saya nyatakan saya tidak sanggup. Jika beliau sanggup, itu pilihannya. Dengan itu pecah berkecailah Bersatu. Saya sedih kerana rakan seperjuangan sanggup pilih musuh, iaitu Najib dan menolak saya, rakan dalam parti yang kita tubuh bersama,” katanya.